PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN RASMI YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH KE MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN MENGENAI PENGURUSAN BENCANA (AMMDM) KE-12 BERMULA 23-25 OKTOBER 2024

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hari ini akan menghadiri **Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana (AMMDM) ke-12** (*12th Asian Ministerial Meeting on Disaster Management*) di Brunei Darussalam dari 23 hingga 25 Oktober 2024 dengan tema *"Buliding a Resilient ASEAN Through Inclusive and Sustainable Disaster Recovery."*

Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara akan diiringi oleh Datuk Khairul Shahril Idrus, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Mesyuarat ini berfungsi sebagai forum untuk bertukar pandangan mengenai isu-isu strategik dan terkini serta membincangkan kemajuan semasa dan status perkembangan program dan aktiviti di bawah *ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER) 2021-2025*.

Mesyuarat ini juga melibatkan wakil dari negara-negara angota ASEAN, yang terlibat secara langsung dalam pengurusan risiko bencana di negara masing-masing.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan bencana, Timbalan Perdana Menteri turut akan menghadiri beberapa mesyuarat lain dengan rakan dialog seperti AMMDM bersama Republik China kali ke-4, AMMDM bersama Jepun kali ke-4 dan juga AMMDM bersama Republik Korea kali ke-3.

Pada 24 Oktober 2024, Timbalan Perdana Menteri dijadualkan akan menyampaikan Kenyataan Negara (Ministerial Statment) berkenaan inisiatif, pelaksanaan dan kejayaan serta cabaran dalam pengurusan dan risiko bencana menerusi pendekatan yang diambil oleh Malaysia.

Selain itu, pada sebelah malam Timbalan Perdana Menteri dijadual akan mengambil kesempatan untuk bertemu dengan rakyat Malaysia yang berada di Brunei dalam satu majlis makan malam.

Sementara itu, pada pagi 25 Oktober Timbalan Perdana Menteri bersama wakil-wakli negara ASEAN akan menghadiri “Majlis Sambutan Memperingati 20 Tahun Tsunami Lautan Hindi” dan “Hari Pengurusan Bencana ASEAN 2024” di Taman Mahkota Jubli Emas di Bandar Seri Begawan.

Penyertaan dan kehadiran Timbalan Perdana Menteri dalam AMMDM ke-12 ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk terus memperkukuh hubungan diplomatik dengan negara-negara ASEAN serta memperkuat daya tahan rantau ini terhadap bencana alam, sambil mempereratkan hubungan dengan rakyat Malaysia yang berada di luar negara.

Putrajaya | 23 Oktober 2024